

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @
LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan garis masa untuk Kementerian membentangkan dasar perumahan rumah panjang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar perumahan rumah panjang merupakan salah satu inisiatif di bawah Kerajaan terdahulu. Bagi mengkaji dasar perumahan rumah panjang ini, satu jawatankuasa telah ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Dasar Rumah Panjang Negara (JDRPN) yang dipengerusikan oleh YB Saratok iaitu YB Tuan Ali Biju.

2. Walau bagaimanapun, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bercadang untuk membuat kajian separuh penggal bagi Dasar Perumahan Negara 2018-2025. Dalam kajian ini, isu-isu perumahan secara keseluruhan akan dikaji serta pelan tindakan yang bersesuaian akan dikenal pasti termasuklah cadangan bagi dasar perumahan rumah panjang.

Sekian, terima kasih.